



# قلبيتا بروني

## PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

## MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

“WAHA! orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : Berdirilah, hendaklah kau berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan”.

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.56 SUBUH 5.06 SYURUK 6.29 DUHA 6.53 ZUHUR 12.25 ASAR 3.47 MAGHRIB 6.20 ISYAK 7.34

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 2

3 JANUARI 2024 / 1445 جمادي الآخر 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

**"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.**

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

## PASTIKAN PRASARANA SEKOLAH KONDUSIF UNTUK SESI PENGAJARAN, PEMBELAJARAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan serta rombongan semasa mengadakan lawatan kerja ke tiga buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara.

■ Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Pendidikan

**RIMBA**, Selasa, 2 Januari. - Sempena permulaan persekolahan bagi tahun akademik 2024, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, serta rombongan mengadakan lawatan kerja

ke tiga buah sekolah di Daerah Brunei dan Muara, iaitu Sekolah Rendah Rimba I; Sekolah Rendah Rimba II dan Sekolah Menengah Rimba II.

>> Muka 3

## Tinjau pelaksanaan aktiviti kembali ke sekolah

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**MUARA**, Selasa, 2 Januari. - Sempena permulaan persekolahan bagi tahun akademik 2024, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, pagi tadi mengadakan lawatan kerja ke tiga buah sekolah di Daerah Brunei

dan Muara, iaitu Sekolah Rendah Kapok Muara; Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa dan Sekolah Rendah Serasa.

>> Muka 4

## UBD raikan 246 pelajar baharu

■ Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Januari. - Seramai 246 pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi sesi akademik 2023/2024 Pengambilan Januari 2024 diraikan pada Majlis Minggu Pelajar Baharu yang berlangsung di Dewan Canselor UBD, di sini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 28 pelajar ijazah kedoktoran, 123 pelajar sarjana, 67 pelajar sarjana muda dan 28 pelajar program Unibridge.

Dalam ucapannya pada Minggu Pelajar Baharu tersebut, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri

Haji Kifle berkata, sebagai sebuah universiti yang pertama dan terbesar di negara ini, UBD mempunyai peranan yang amat utama dalam memperkasa dan memantapkan para pelajar agar menjadi graduan yang berkelulusan, serta mempunyai kemahiran dan nilai kemanusiaan yang tinggi.

“Adalah ditekankan di sini akan pentingnya bagi para pelajar untuk mempunyai nilai-nilai murni dan menghayati falsafah negara, iaitu Melayu Islam Beraja ke arah pembangunan generasi pemimpin masa akan datang yang mampu berdaya saing lagi mempunyai sahsiah yang tinggi.

>> Muka 5




## Berita Utama



MPK Jerudong 'B' serah sumbangan wakaf

Muka 9



AZAM tahun baharu jadikan diri lebih baik

Muka 20



DAPATKAN Kalendar 2024 di dalam

## Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**SUNGAI BESAR**, Isnin, 1 Januari. - Masjid Kampung Sungai Besar meraikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-40 Tahun setelah terbinanya pada 1 Januari 1984.

Mengimbas kembali sejarah Masjid Kampung Sungai Besar yang pertama telah didirikan pada akhir tahun 1964 yang terletak di atas sekeping tanah seluas ¼ ekar di atas bukit berseberangan dengan masjid ini.

Tanah masjid tersebut telah diwakafkan oleh Allahyarham Awang Yassin bin Mokti dan bangunan masjid tersebut dianggarkan hanya dapat menampung tidak lebih daripada 40 jemaah.

Pada tanggal 27 Rabiulawal 1404 Hijrah bersamaan dengan 1 Januari 1984 iaitu pada Ahad jam 6.00 petang, masjid ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Omar, Menteri Pelajaran dan Menteri Kesihatan yang baru dilantik pada ketika itu.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesyukuran diadakan hari ini dan turut dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Doa Khatam yang diketuai oleh Awang Firdaus bin Salleh.

>> Muka 3

# Sasar pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dalam Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2024 pada Ahad, 31 Disember 2024.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee  
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,  
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,

Wa'alaah Aalihee Wasahbihee Ajma'een,  
Waba'du.

**A**LHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita sama-sama melangkah ke tahun Masihi

2024.

Semoga tahun 2024 ini akan mendorong kita untuk lebih berjaya meneroka perubahan-perubahan bermakna, baik bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat mahupun negara.

Demikian juga, fokus kerajaan beta akan tetap menyasarkan pencapaian matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. Maka untuk itu, kerajaan beta melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation akan terus melakar strategi baharu menerusi blueprint-blueprint yang kita yakini mampu untuk membawa negara lebih dekat kepada matlamat-matlamat tersebut. Blueprint-blueprint ini akan sentiasa dikemas kini bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan apa jua jurang dalam perancangan dan pelaksanaan akan ditangani secara kolektif tanpa bertangguh.

Namun dalam pada itu, faktor-faktor luar seperti pergolakan geopolitik, krisis kesihatan global, kesan perang dagang antara kuasa besar dan kepesatan kemajuan teknologi akan terus mempengaruhi hala tuju dunia, dengan bahangnya juga turut dirasai oleh negara kita.

Apa yang pasti, kita perlu mendepani keadaan ini dengan fikiran terbuka untuk memahami perubahan tersebut dan seterusnya memanfaatkan sepenuhnya apa jua peluang yang dibawanya.

Menyentuh mengenai kepelbagaian ekonomi, beta sangat gembira atas perkembangan Sektor Bukan Minyak dan Gas yang sangat menggalakkan, yang meningkat sebanyak 5.3 peratus bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2023.

Ini tentu saja hasil usaha bersepadu kerajaan beta dengan kerjasama sektor swasta dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Usaha ini tidak boleh berhenti,

malah digiatkan terus untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah itu, Perkhidmatan Awam negara ini perlu terus meneliti dan melaksanakan pembaikan-pembaikan dasar dan peraturan, sebagai langkah memperkemas lagi sistem penyampaian perkhidmatan yang sedia ada, khasnya ke arah mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan perniagaan dan pelaburan, di samping menekankan akauntabiliti para penjawat awam.

Dalam masa yang sama, penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek urus tadbir, perlu terus dititikberatkan, selaras dengan langkah memelihara Maqasid Syariah bagi kelangsungan dan kestabilan negara.

Kerajaan beta juga dalam beberapa bulan yang lalu telah melaksanakan dua inisiatif penting untuk kebajikan warga kerja dalam Sektor Perkhidmatan Awam dan swasta iaitu Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) dan gaji minima bagi sektor-sektor tertentu.

Beta berharap inisiatif-inisiatif ini akan jadi pendorong untuk mereka memajukan diri, baik di sektor kerajaan mahupun swasta.

Berkaitan pendidikan pula, pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama dari Darjah Pra hingga Darjah Tiga ke dalam Sistem Pendidikan Umum yang telah bermula bulan November lepas telah menimbulkan pelbagai persepsi dan reaksi.

Beta berharap, semua pihak akan memahami bahawa rancangan ini adalah bertujuan untuk menjaga kesejahteraan para pelajar melalui keseimbangan suasana dan pembelajaran. Kerana itu, sokongan semua pihak khasnya ibu bapa adalah masih diperlukan bagi keberkesanan dan kesinambungan usaha ini.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG										
Disember MASIHI	HARI	Jamadiakhir HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	RABU	21	4.56	5.06	6.29	6.53	12.25	3.47	6.20	7.34
4	KHAMIS	22	4.56	5.06	6.29	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35
5	JUMAAT	23	4.57	5.07	6.30	6.54	12.26	3.48	6.21	7.35
6	SABTU	24	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.49	6.21	7.36
7	AHAD	25	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
8	ISNIN	26	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.49	6.22	7.36
9	SELASA	27	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.23	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 25 °C 	31 26 °C 	32 26 °C 
Pekan Bangar	32 25 °C 	32 26 °C 	32 25 °C 
Pekan Tutong	31 25 °C 	32 26 °C 	31 25 °C 
Kuala Belait	30 25 °C 	32 26 °C 	31 25 °C 

Wallahualam Bissawab  
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.met.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 03 JANUARI 2023

### Dorong anak-anak dalam menuntut ilmu

**A**LHAMDULILLAH sesi persekolahan penggal pertama bagi tahun akademik 2024 kini sudah bermula bagi semua peringkat sekolah rendah, menengah, maktab serta Pusat Tingkatan Enam. Dengan bermulanya sesi persekolahan ini sudah setentunya memberikan kesibukan bagi para ibu bapa dan penjaga untuk mempersiapkan anak-anak mereka untuk menempuhi alam persekolahan bagi tahun 2024. Setiap persediaan yang dilakukan oleh para ibu bapa dan penjaga sudah pasti adalah untuk memberikan dorongan kepada anak-anak agar bersemangat dan bersedia dalam menuntut ilmu.

Di samping menyediakan keperluan persekolahan anak-anak, para ibu bapa dan penjaga juga berperanan untuk mempersiapkan emosi anak-anak dalam keadaan yang bersedia terutama bagi mereka yang pertama kali bersekolah.

Para ibu bapa dan penjaga seharusnya memberikan dorongan dan mewujudkan rutin harian dengan membiasakan anak-anak untuk tidur lebih awal bagi memastikan mereka mendapatkan tidur yang mencukupi agar terus bersemangat sepanjang bersekolah.

Selain itu, ibu bapa dan penjaga juga hendaklah membina keyakinan anak-anak terutama bagi mereka yang pertama kali pergi ke sekolah atau yang berpindah ke sekolah baharu agar tidak timbul kerisauan, berasa takut untuk bergaul dengan kawan-kawan yang baru dikenali. Dalam hal ini, ibu bapa adalah berperanan penting menyuntik semangat positif dalam diri anak-anak agar apa yang mereka alami di sekolah sesuatu yang menyenangkan dan juga menggembirakan.

Ibu bapa juga perlu bersedia mendengar segala kebimbangan dan kerisauan anak-anak kerana ibu bapa berperanan untuk menggalakkan anak-anak menyuarakan semua kebimbangan dan keperluan mereka kepada ibu bapa sebagai orang dewasa yang mereka percayai. Dengan mendengar apa yang mereka fikirkan, anak-anak akan berasa dihargai kerana awda memberikan mereka perhatian.

Persiapan mental yang baik sebelum menempuhi alam persekolahan memberikan anak-anak pelbagai manfaat yang berguna buat mereka bagi menyesuaikan diri apabila berdepan dengan apa jua jenis situasi yang mereka hadapi. Apabila anak-anak bersedia dari segi mental dan fizikal nescaya ia akan membina asas yang kukuh bagi diri mereka untuk berdepan dengan apa jua pengalaman dan cabaran alam persekolahan. Semoga anak-anak *kitani* akan dapat menjalani pembelajaran dengan sempurna dan beroleh kejayaan pada masa akan datang.

- Ketua Penyuntingan (Rd)

# DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan cenderahati kenangan kepada Awang Hifni bin Kuming (atas dan kanan).

**>> Muka 1**

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian baucar dari Masjid Kampung Sungai Besar dan wang tunai daripada Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Ugama kepada 18 anak-anak yatim Kampung Sungai Besar dan juga penyampaian cenderahati. Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian cenderahati

kenangan kepada Awang Hifni bin Kuming yang telah memulakan persaraan sebagai Buruh Masjid Sungai Besar semenjak 28 September 1985. Bagi memberkati dan mengakhiri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



majlis, Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh Imam Masjid Sungai Besar, Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme. Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji

Amir Hisham bin Haji Masri; Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit dan penduduk-penduduk Kampung Sungai Besar.

## Pastikan prasarana sekolah kondusif untuk sesi pengajaran, pembelajaran

**>> Muka 1**

Antara tujuan lawatan berkenaan adalah untuk meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah, meninjau prasarana dan kemudahan sekolah seperti bilik-bilik darjah termasuk bilik pembelajaran prasekolah, bilik-bilik guru, dewan sekolah, kantin, tempat sembahyang, tempat berwudhu dan perpustakaan dengan mengambil kira pelaksanaan Pindaan Akta Pendidikan Wajib (APW) Penggal 211 Umur Wajib Bersekolah enam tahun kepada lima tahun; Pengintegrasian Mata

Pelajaran Ugama Ke Dalam Mata Pelajaran Umum dan Pelaksanaan mata pelajaran STEAM (Science, Technology, Engineering, Arts, and Mathematics). Mula-mula Yang Berhormat memulakan lawatan ke Sekolah Rendah Rimba I. Ketibaan Yang Berhormat dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Nurul Khairunniza binti Mohiddin. Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat berpeluang menyaksikan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah yang diadakan di dewan sekolah tersebut. Yang Berhormat juga

berkesempatan berinteraksi dengan para guru dan pelajar semasa lawatan berkenaan. Seterusnya, Yang Berhormat serta rombongan beredar ke Sekolah Rendah Rimba II. Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Naruliswady bin Haji Samaih. Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat berkesempatan meninjau aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah dan melawat bilik-bilik darjah serta berpeluang menyaksikan dengan lebih dekat pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran

**■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

Ugama setelah pengintegrasian. Lawatan terakhir Yang Berhormat serta rombongan ialah ke Sekolah Menengah Rimba II. Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Siti Khadijah binti Haji Damit. Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat meninjau

prasarana sekolah bagi memastikan prasarana yang sedia ada adalah kondusif untuk mendukung sesi pengajaran dan pembelajaran. Sesi lawatan diakhiri dengan sesi bergambar ramai. Turut menyertai rombongan berkenaan ialah ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan membuat lawatan ke tiga buah sekolah bagi meninjau dan menyaksikan secara lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah, meninjau prasarana dan kemudahan sekolah berkenaan.

### MAKLUMAN

ORANG ramai adalah dialu-alukan untuk mendapatkan Kalendar Tahun 2024 terbitan Jabatan Penerangan secara pandu lalu mulai Rabu, 21 Jamadilakhir 1445H bersamaan 3 Januari 2024M, semasa waktu bekerja, jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang (tertakluk kepada stok kalendar), di lokasi-lokasi berikut:

- Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Daerah Brunei dan Muara.
- Cawangan Penerangan Daerah Belait, Jalan Lorong Bolkiah, Seria, Daerah Belait.
- Kawasan Berhadapan Kompleks Sukan Tutong, Daerah Tutong.
- Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Kalendar juga tersedia dalam bentuk PDF dan boleh didapati dengan mengimbas KOD QR.



Jumlah Kalendar adalah TERHAD

# Acara keagamaan sempena Hari Polis Ke-103 Tahun



**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena memperingati Hari Polis Ke-103 Tahun.**

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Isnin, 1 Januari. - Sempena memperingati Hari Polis Ke-103 Tahun, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) PPDB telah mengendalikan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran di Surau Polis Gadong, semalam.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis PPDB,

Dato Paduka Seri Haji Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali. Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Timbalan Penguasa Polis (DSP), Aimi Safwan bin Zalidin selaku Pengerusi Badan Ugama Islam (BUI) PPDB, Pengarah-Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan,

para pegawai dan anggota pangkat rendah.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh APO Sarjan 6472 Awang Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan diakhiri dengan bacaan doa kesyukuran dan penutup.

## Tinjau pelaksanaan aktiviti kembali ke sekolah



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan kerja ke salah sebuah sekolah di Daerah Brunei dan Muara.**

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal**

>> **Muka 1**

Turut hadir pada lawatan berkenaan, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim serta rombongan yang terdiri daripada pengarah-pengarah dan para pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU dan juga Kementerian Pendidikan.

Lawatan berkenaan merupakan inisiatif bersama KHEU dan Kementerian Pendidikan bertujuan meninjau lebih dekat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kembali ke sekolah, prasarana dan kemudahan sekolah seperti bilik-bilik darjah termasuk bilik pembelajaran prasekolah, bilik-bilik guru, dewan sekolah, kantin, tempat sembahyang dan berwujud serta perpustakaan dengan mengambil kira pelaksanaan Pindaan Akta Pendidikan Wajib (APW) Penggal 211 Umur Wajib Bersekolah enam tahun kepada lima tahun; Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama ke Dalam Mata Pelajaran Umum dan Pelaksanaan mata pelajaran STEAM (Science, Technology, Engineering, Arts, and Mathematics).

# 50 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN KEPERLUAN SEKOLAH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sumbangan kepada para penerima dan seterusnya bergambar ramai pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Januari. - Ikhwanul Mahabbah Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau hari ini menyampaikan sumbangan wang derma dan peralatan sekolah kepada seramai 50 anak-anak yatim terpilih terdiri daripada 24 lelaki dan 26 perempuan yang berumur di antara 5 hingga 14 tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sumbangan Didik Kasih Kembali Ke Sekolah Anak-Anak Yatim Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau bagi Tahun 2024M / 1445H ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Majlis yang berlangsung di Dewan Nilam Sekolah Rendah Dato Md. Yassin Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri juga dihadiri oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Ibrahim yang juga Ketua Kampung Sungai Buloh dan Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Panchor Mengkubau Kawasan 4 dan 5, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Salamat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh Awang Syu'aib bin Haji Abdullah yang juga

memimpin Doa Selamat.

Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Haji Eddie Hadrey bin Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa sumbangan didik kasih itu merupakan acara tahunan yang diungkuhkan oleh Kumpulan Ikhwanul Mahabbah dan kali ini merupakan tahun ketiga ia dilaksanakan.

"Hampir kesemua keperluan dan peralatan persekolahan ini merupakan sumbangan dari penduduk kampung juga dari luar kampung serta syarikat-syarikat dan NGO-NGO dermawan yang sentiasa prihatin kepada masalah dan kebajikan

golongan anak-anak yatim ini," katanya.

Tambahnya, tujuan dan objektif utama majlis ini diadakan adalah untuk meringankan beban dalam membuat perbelanjaan keperluan-keperluan sekolah dan membantu serba sedikit kepada keluarga mereka sempena musim persekolahan yang akan bermula esok.

Awang Haji Eddie Hadrey selanjutnya berharap semoga majlis sebegini dapat membentuk sikap dan amalan bersedekah dan bantu membantu kepada mereka yang memerlukan kerana amalan ini amat dianjurkan di dalam Islam di samping peluang kita semua untuk memperolehi

keberkatan serta rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala, insyaaAllah.

Selain itu, harapan Kumpulan Ikhwanul Mahabbah agar majlis seumpama itu akan dapat mendidik generasi-generasi muda dan membentuk keperibadian mereka dengan nilai-nilai murni dan akhlak mulia dengan mendedahkan mereka kepada contoh baik dengan sentiasa memberi kepada yang memerlukan, tidak camah mata kepada yang kurang berkemampuan dan mudah-mudahan mereka pula nanti akan meneruskan acara-acara sebegini dan berterusan dari generasi ke generasi.





NAIB Canselor UBD semasa menyampaikan ucapannya.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

"Para pelajar juga perlu bersedia untuk berusaha mendapatkan ilmu dan menaikkan kecemerlangan universiti, bersedia untuk menerima budaya dan suasana pembelajaran di universiti ini, serta menjunjung tinggi Perlembagaan dan nilai-nilai teras UBD," ujar beliau.

Naib Canselor UBD turut mengetengahkan prinsip panduan UBD yang terkandung dalam moto 'Futuring Together, yang antara lain menekankan pendekatan proaktif; memfokuskan pada kemajuan, inovasi dan mindset pertumbuhan; juga mewujudkan komuniti kolaboratif bagi memupuk persekitaran pembelajaran yang kondusif.

"Persekitaran ini memperkasakan individu untuk mencapai potensi mereka, (dan) menggalakkan pendekatan daya cipta untuk masa hadapan yang lebih baik," jelas

# UBD RAIKAN 246 PELAJAR BAHARU

beliau.

Naib Canselor UBD seterusnya memperkenalkan nilai teras UBD iaitu 'LEAD' yang menekankan kejayaan serta kecemerlangan setiap pelajar di universiti berkenaan dengan mengutamakan keperluan unik dan kesejahteraan setiap pelajar; mewujudkan persekitaran pembelajaran yang diperibadikan, inklusif dan *supportive* untuk memastikan kejayaan dan kepuasan setiap pelajar di UBD; serta komitmen untuk mewujudkan impak positif dan memupuk persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Majlis Minggu Pelajar Baharu UBD pada tahun ini akan diadakan selama empat hari dengan beberapa program telah disusun yang bertujuan untuk memperkenalkan pelajar-pelajar baharu kepada aspek-aspek penting kehidupan sebagai pelajar di UBD.

Ketua program fakulti masing-masing akan memberi taklimat kepada pelajar baharu tentang



PARA pelajar baharu semasa berikrar pada Majlis Minggu Pelajar Baharu UBD bagi sesi akademik 2023/2024 (atas dan bawah).

modul yang ditawarkan, serta pendaftaran kursus sebagai

persediaan untuk semester pertama, program Discovery Year serta aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di UBD.

Aktiviti keroohanian dan bacaan Al-Quran yang diketuai oleh pegawai agama juga akan

diadakan. Selain itu, mereka juga akan diperkenalkan dengan program GenNext, pendaftaran dan peperiksaan di UBD.

Pelajar baharu juga akan menyertai aktiviti sukan dan pembinaan pasukan kreatif.



## HASRAT NEGARA

# Sasar pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035

>> Muka 2

Di sudut lain, negara akan terus mengambil berat usaha-usaha di peringkat global berkaitan isu perubahan iklim. Sehubungan ini, pembentukan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) dan pelantikan negara sebagai tuan rumah bagi Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change) adalah merupakan antara terjemahan dari komitmen yang disebutkan tadi.

Bersabit Hal Ehwal Luar Negara pula, Negara Brunei Darussalam turut melahirkan kebimbangan yang amat mendalam terhadap keganasan yang sedang berlaku di Palestin.

Kita mengharapkan supaya pihak-pihak berkenaan akan terus mematuhi kewajipan menghormati undang-undang antarabangsa, termasuk Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khasnya dalam usaha melindungi keselamatan orang awam. Samasamalah kita berdoa semoga rakyat Palestin akan sentiasa mendapat perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu

Wata'ala.

Sebagai tanda simpati yang mendalam, Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan menubuhkan Tabung Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin, di samping doa dan Qunut Nazilah bagi rakyat dan negara Palestin juga dibaca di masjid-masjid. Beta berharap, rakyat dan penduduk negara ini akan sama-sama menyumbang kepada tabung berkenaan sebagai derma atau sedekah kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada tahun ini, kita insyaaAllah akan menyambut 40 tahun negara mencapai kemerdekaan penuh. Kejayaan kita dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan dalam tempoh yang lama ini adalah berkat usaha bersepadu dengan izin Allah jua.

Semoga sambutan kali ini akan lebih mengukuhkan lagi patriotisme di kalangan generasi masa kini, selaku rakyat dan penduduk yang taat setia lagi gigih untuk membawa negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, beta ingin

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), di atas komitmen dan usaha gigih kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2023.

Demikian juga, pada kesempatan ini, beta sukacita merakamkan penghargaan kepada negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di atas kerjasama yang baik lagi ikhlas antara kita.

Selamat Tahun Baharu Masihi 2024 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmatnya berupa keteguhan iman, kesihatan, keamanan dan kemakmuran untuk semua. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Sesi persekolahan tahun 2024 bermula hari ini

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BERAKAS**, Selasa, 2 Januari. - Sesi persekolahan penggal pertama bagi tahun akademik 2024 bagi semua sekolah rendah, menengah dan maktab serta pusat tingkatan enam kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah Ugama dan Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama bermula pada hari ini.

Sementara itu, sekolah-sekolah antarabangsa dan pusat-pusat latihan, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) akan bermula mengikut kalendar akademik masing-masing.

Manakala, sesi persekolahan bagi prasekolah di sekolah-sekolah rendah kerajaan seluruh negara akan bermula pada Sabtu, 6 Januari 2024.

Sehubungan dengan itu, merujuk Kenyataan Media Kementerian Pendidikan bertarikh 23 Oktober 2023 mengenai pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum yang mula dilaksanakan pada Rabu, 1 November 2023, pelajar peringkat pra sehingga Darjah 3 Ugama adalah mengikuti pendidikan ugama mereka di sekolah rendah masing-masing.

Manakala, para pelajar yang menuntut dalam Darjah 4 hingga Darjah 6 Ugama masih meneruskan pembelajaran di sekolah-sekolah ugama seperti lazimnya.

Melalui pengintegrasian berkenaan, mata-mata pelajaran yang lazimnya diajarkan di sekolah-sekolah ugama diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta termasuk sekolah-sekolah antarabangsa.

Mengikut pindaan Akta Pendidikan Wajib, tahun 2024 juga merupakan permulaan bagi persekolahan kanak-kanak yang mencapai umur lima tahun untuk wajib bersekolah, khususnya mereka yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam (NBD) dan yang bermastautin di NBD.

Bagi kanak-kanak yang mencapai umur lima tahun pada 31 Disember adalah diwajibkan mendaftar bagi kemasukan prasekolah bermula awal tahun berikutnya.

Pendaftaran bagi kemasukan sesi persekolahan mulai Januari 2024 telah pun dibukakan bagi kanak-kanak yang berumur lima tahun untuk mengikuti kelas pra di sekolah-sekolah rendah kerajaan.

Manakala bagi kanak-kanak yang belum berkesempatan untuk membuat pendaftaran, mereka masih diberi peluang untuk mendaftar di sekolah-sekolah rendah masing-masing.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihatkan para ibu bapa atau penjaga untuk memberikan kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan agar tidak tercicir dalam pembelajaran atau mendapat pendidikan, lebih-lebih lagi bagi yang masih dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

# SYIAR ISLAM TERUS BERKEMBANG



MAJLIS Pengislaman Awang Mega Saiful Azzrin bin Ganiah yang kini dikenali sebagai Awang Muhammad Mega Saifullah bin Abdullah Ganiah.

■ Berita dan Foto : Ihsan Awang Masburah Suhaile

**TUTONG**, Isnin, 1 Januari. - Perkembangan syiar Islam yang jitu di negara ini jelas menunjukkan peningkatan di mana bilangan saudara baharu yang telah memeluk Islam semakin bersinar dan menjadikan Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Awang Mega Saiful Azzrin bin Ganiah dengan hati yang penuh ikhlas telah melafazkan dua kalimah syahadah, hari ini di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bertempat di

Kampung Kebia, di sini.

Majlis Pengislaman tersebut menyaksikan pemuda berusia 26 tahun itu, Awang Mega Saiful Azzrin bin Ganiah yang kini dikenali sebagai Awang Muhammad Mega Saifullah bin Abdullah Ganiah.

Tetamu kehormat yang menghadiri majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung Birau, Kebia dan Luagan Timaran, Awang Masburah bin Suhaile.

Turut hadir, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Pejabat Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal

Ehwal Ugama, Awang Haji Azman bin Haji Musa dan beberapa orang Pegawai daripada PDI, Tutong.

Sementara itu, laungan Dikir Marhaban daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Birau serta taburan bunga rampai oleh tetamu kehormat serta para jemputan turut memeriahkan lagi acara pada pagi itu.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati oleh Pemangku Ketua Kampung kepada saudara baharu yang diraikan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Pegawai PDI, Tutong.


## Indeks Bukan Makanan bulan November menurun

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Laman sesawang: [deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)  
E-mel: [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)  
Instagram: [@statistics\\_jpes](https://www.instagram.com/statistics_jpes)



جباتن قرانچن ايكونومي دان ستاتيستيك  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
BRUNEI DARUSSALAM



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Januari. - Indeks Bukan Makanan bagi bulan November 2023 menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 peratus berbanding bulan November 2022, manakala, indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 2.1 peratus.

Secara keseluruhan, Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 0.2 peratus.

Menurut siaran media Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, penurunan tahun-ke-tahun bagi indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disebabkan oleh penurunan harga Perhubungan (3.1 peratus), khususnya caj perkhidmatan telefon dan telefaks selaras dengan tawaran promosi bagi pelan perkhidmatan internet; dan Pengangkutan (2.0 peratus) iaitu terutamanya harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan.

Manakala, peningkatan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga Minuman Ringan (11.3 peratus), khususnya minuman rendah gula yang sedia untuk diminum; dan Beras dan Bijirin (2.5 peratus), disebabkan oleh harga bahan-

سور وھنجاي قرحدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

### TATACARA MENGHADIRI

UJIAN TEMU DUGA URUSAN RASMI

**1 UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAK OLEH PENGAWAL KESELAMATAN.**



**KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH**

**2 TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN. HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.**



**3 BAGI YANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHAK URUS SETIA PEJABAT SPA MELALUI TALIAN PERHUBUNGAN SPA**



+673 7371961 | [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

**4 HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DI TINGKAT I TERLEBIH DAHULU.**



**5 PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.**



**6 HADIR PADA TARIKH DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.**



**7 MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.**



**8 TERUS BEREDAR SETELAH SELESAI BERURUSAN.**



bahan mentah yang terus meningkat terutamanya bagi kek, pastri dan biskut.

Berbanding bulan Oktober 2023, harga Bukan Makanan turut menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 peratus. Manakala, peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah sebanyak 0.4 peratus.

Secara keseluruhan, IHP menunjukkan peningkatan sebanyak 0.02 peratus.

Penurunan bulan-ke-bulan bagi indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga Rekreasi dan Kebudayaan (0.7 peratus); dan Pakaian dan Kasut (0.7 peratus).

Manakala, peningkatan bagi

indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga Sayur-Sayuran (1.6 peratus); dan Daging (0.6 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan November 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

## SEAMEO VOCTECH capai pensijilan ISO 9001:2015, ISO 21001:2018



PUSAT Serantau SEAMEO VOCTECH, Pusat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mengumumkan kejayaan bagi kedua-dua pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO 21001:2018.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Januari. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Pusat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terkemuka di Asia Tenggara, mengumumkan kejayaannya untuk kedua-dua pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO 21001:2018.

Pencapaian penting ini menggariskan dedikasi pusat yang tidak berbelah bahagi untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan, latihan, penyelidikan dan perundingan berkualiti

tinggi, menjadikannya sebagai Pusat SEAMEO pertama yang memperoleh pengiktirafan dwi ini. ISO 9001:2015 ialah piawaian yang diiktiraf di peringkat global untuk sistem pengurusan kualiti, memastikan organisasi memenuhi keperluan pelanggan dan peraturan secara konsisten.

ISO 21001:2018 ialah piawaian antarabangsa yang menetapkan keperluan untuk sistem pengurusan organisasi pendidikan, memastikan penyediaan persekitaran pembelajaran berkualiti yang

memenuhi keperluan dan jangkaan pelajar dan pihak berkepentingan lain.

Menjalani penilaian yang teliti dan menyeluruh oleh Bureau Veritas, SEAMEO VOCTECH mempamerkan komitmennya, untuk memenuhi kriteria ketat kedua-dua piawaian, menunjukkan kepatuhannya kepada kualiti, penambahbaikan berterusan, dan penyediaan penyampaian pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang cemerlang untuk rantau ini dan di luar.

Sorotan Utama Pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO 21001:2018

SEAMEO VOCTECH adalah menyediakan persekitaran pembelajaran yang dipertingkatkan dan pensijilan ini mengiktiraf komitmen SEAMEO VOCTECH untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dan cemerlang, yang memupuk pembangunan kemahiran dan pengetahuan teknikal dan vokasional di kalangan jurulatih TVET dan guru di rantau ini.

Dalam pada itu juga, SEAMEO VOCTECH memberi penekanan terhadap penglibatan dengan pihak berkepentingan dari rantau ini, termasuk guru TVET, jurulatih, pelajar dan rakan kongsi

industri, untuk memastikan program dan perkhidmatannya memenuhi jangkaan dan keperluan mereka.

Pensijilan ini juga menyerlahkan dedikasi SEAMEO VOCTECH untuk penambahbaikan berterusan dalam semua aspek operasinya, daripada pembangunan kurikulum kepada perkhidmatan sokongan pelajar.

SEAMEO VOCTECH telah mewujudkan sistem pengurusan kualiti yang mantap yang sejajar dengan kedua-dua piawaian, memastikan pusat ini dilengkapi dengan baik untuk menangani keperluan dinamik sektor pendidikan TVET.

Pengarah Pusat SEAMEO VOCTECH, Awang Alias bin Haji Abu Bakar, menyatakan kegembiraan di atas pencapaian SEAMEO VOCTECH dalam kedua-dua pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO 21001:2018, dengan menyatakan, "Pencapaian ini adalah bukti komitmen yang tidak berbelah bahagi, kerja keras kami. Ia mencerminkan usaha berterusan pusat kami untuk mencapai kecemerlangan dalam menyampaikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, sambil mengukuhkan dedikasi kami untuk menyediakan perkhidmatan peringkat teratas, dan menyediakan pelajar, pendidik, jurulatih dan guru untuk berjaya dalam bidang pilihan mereka".

SEAMEO VOCTECH dengan penuh semangat, menjangkakan manfaat kedua-dua pensijilan, untuk meningkatkan lagi reputasinya sebagai Pusat latihan terkemuka dalam TVET untuk Asia Tenggara dan seterusnya.

## Jadikan Al-Quran sebagai pedoman kehidupan



JEMAAH Subuh Tadarus Al-Quran Masjid Hassanal Bolkihah, Kampung Mentiri semasa bergambar ramai di kediaman Ketua Kumpulan Awang Haji Zainal bin Haji Ghani.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Masjid Hassanal Bolkihah, Kampung Mentiri

**MUKIM MENTIRI,** Isnin, 1 Januari. - Umat Islam dituntut untuk membaca, mempelajari dan mengambil iktibar daripada yang terkandung dalam kitab Al-Quran sebagai panduan dan pedoman dalam kehidupan

sehari-hari. Sehubungan dengan itu, jemaah Subuh Tadarus Al-Quran Masjid Hassanal Bolkihah, Kampung Mentiri menzahirkan rasa syukur selepas melengkapkan bacaan 30 juzuk dengan

mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang dilangsungkan di kediaman Ketua Kumpulan, Awang Haji Zainal bin Haji Ghani, di Rancangan Perpindahan Negara Kampung Mentiri, di sini, baru-baru ini.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, disusuli dengan

**TATACARA** **سوروهنجاي فرخدمتن عوام**  
MENDAFTAR PROFIL PSCR 2.0  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

- 01**  
Layari laman sesawang PSCR 2.0 di [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) dan klik LOG MASUK
- 02**  
Log masuk menggunakan akaun e-darussalam
- 03**  
Cipta PSCR TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik SIMPAN
- 04**  
Klik Dashboard Saya dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

bacaan surah-surah ayat lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha sehingga An-Nas yang dipimpin oleh Awang Haji Annuar bin Penghulu Haji Ibrahim.

Para jemaah mengadakan ibadah harian berkenaan pada setiap selepas Sembahyang Fardu Subuh yang juga dihasratkan untuk mengimarahkan lagi masjid berkenaan.

# PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SEIRING PEREDARAN ZAMAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ihsan Alumni Sekolah Menengah Berakas



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Januari. - Golongan kanak-kanak pada masa ini lebih mudah terdedah kepada teknologi digital di mana mereka sudah terbiasa mendapatkan sebarang maklumat di hujung jari dan agak pantas menggunakannya.

Perkembangan kanak-kanak seharusnya dipupuk secara holistik dari usia yang sangat muda, sejajar perkembangan bahasa, fizikal, kognitif, sosial dan rohani mereka.

Jika kita lihat atau kembali ke suasana sekolah zaman dulu, ia sangat jauh berbeza dengan apa yang kita lihat pada hari ini.

Tidak dapat disangkal lagi, persekolahan zaman dulu hanya bawa duit ke sekolah dengan nilai 0.50 sen ke BND1.00.

Lagipun mata wang pada zaman dahulu agak rendah berbanding sekarang dan hal lain juga adalah disebabkan barang yang terlalu murah pada zaman dahulu.

Jadi kerana itulah wang saku dibawa ke sekolah sedikit.

Bukan dari segi makanan saja, bahkan daripada segi perbelanjaan buku sekolah, baju, kasut dan sebagainya, misalnya buku yang diberikan kebanyakannya boleh dipinjam dari pihak sekolah berbanding sekarang wajib dibeli oleh ibu bapa untuk anaknya.

Seperti yang sedia maklum, pada

zaman dahulu sistem pendidikan di sekolah hanya menggunakan papan hitam dan kapur sahaja.

Manakala bagi murid, hanya menggunakan buku dan pensel.

Dari sana boleh kita lihat ada kesungguhan pada murid zaman dahulu kerana mereka sanggup menyalin setiap bait ayat yang dinyatakan oleh guru.

Tip-tip belajar yang paling berkesan adalah melihat, mendengar dan menulis kerana, apabila murid menyalin apa yang dinyatakan oleh guru mereka, secara logiknya mereka pasti mengingat pembelajaran tersebut.

Selain daripada itu, zaman dahulu hanya diperuntukkan tadika sahaja bagi anak-anak mereka yang berusia 5 - 6 tahun dan ia tidak digalakkan bagi anak berusia lingkungan bawah umur untuk ke sekolah berbanding sekarang yang telah menyediakan Pra sekolah untuk anak berusia seawal tiga tahun.

Zaman dulu juga tidak mempunyai infrastruktur yang mencukupi hingga menyebabkan pelajar pada zaman dahulu kurang mendapat pembelajaran yang cukup.

Bukan tidak cukup dari segi apa sebenarnya akan tetapi seperti yang semua tahu, bangunan di sekolah pada zaman dahulu

kebanyakannya diperbuat daripada kayu dan kawasan sekolah juga kurang selesa, tidak termasuk lagi dengan kemudahan sekolah yang serba kekurangan seperti tandas, surau dan sebagainya.

Kekurangan kemudahan sebegini sebenarnya kurang baik untuk pelajar bagi berkembang dari semasa ke semasa tetapi apa boleh buat kerana peruntukan wang pada masa dahulu tidak dapat menampung keperluan sekolah.

Pada zaman dahulu, salah satu budaya di sekolah adalah apabila terjumpa guru di tepi jalan menuju ke kelas atau ke mana saja kawasan di dalam sekolah, pasti akan bantu guru tersebut untuk membawa barangnya ke tempat yang dia ingin tuju.

Zaman dahulu lebih menghormati guru dan sukar untuk melawan kata-kata guru kerana mereka lebih memilih untuk berdiam dan menurut kata guru.

Itulah budayayangsememangnya sukar untuk kita ikuti pada zaman ini.

Selain itu, apa yang menariknya tentang budaya zaman dahulu adalah manis dengan senyuman dan salam apabila terjumpa guru, sudah pasti bertegur menyapa dan memberikan senyuman serta bersikap sopan santun.

Ibu bapa zaman dahulu lebih memilih untuk menyerahkan anak-anak mereka kepada guru yang mengajar.

Mereka tidak bimbang apabila guru yang mengajar mengenakan hukuman yang setimpal atas kesalahan anaknya kerana ibu bapa lebih berasa guru lebih berhak ketika anaknya berada di sekolah.

Hal yang sedemikianlah yang membuatkan anak-anak menjadi anak-anak yang berguna dari aspek sahsiah di sekolah.

Di sekolah zaman dahulu juga disiplinnya sangat kuat dan guru sangat tegas dalam mendidik pelajarannya.

Ia sangat jauh berbeza dengan aliran zaman sekarang apabila ibu bapa sama sekali tidak membenarkan anak-anak mereka dikenakan hukuman atau dirotan.



**SUASANA** sekolah pada zaman dahulu yang sememangnya mempunyai banyak perbezaan berbanding pada zaman sekarang iaitu dari segi budaya, sosial, infrastruktur dan sebagainya (atas dan bawah). Seperti yang sedia maklum, pada zaman dahulu sistem pendidikan di sekolah hanya menggunakan papan hitam dan kapur sahaja (kiri).

Sehinggakan sekarang, rotan sudah dilarang sama sekali atas alasan ibu bapa tidak mahu anaknya didera.

Seperti yang kita dengar di media sosial, ibu bapa sanggup untuk ke sekolah untuk memarahi guru yang berbuat sedemikian kepada anak mereka.

Apa yang pasti, adakah ibu bapa

sudah bertanya pada diri sendiri akan di mana salahnya anak mereka?

Jelas sungguh jauh perbezaan sekolah zaman dahulu dan sekarang kerana ibu bapa sanggup menanggung malu untuk pergi ke sekolah memarahi guru yang hanya berniat untuk mendidik anak bangsa.



منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

## Muhasabah untuk kebaikan diri

bersungguh-sungguh serta tidak akan mengulangi kesilapan dan dosa yang sama. Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Ibnu Ma'qal, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Menyesal adalah taubat".

Islam menuntut umatnya untuk bermuhasabah kerana sifat manusia itu sendiri yang banyak kelemahan, kekurangan dan perlu kepada peringatannya. Jika sifat kekurangan ini dibiarkan, ia menyukarkan mereka untuk melihat kelemahan diri sendiri dan cenderung pula melihat kelemahan dan aib orang lain. Bahkan ia menyebabkan sesetengah orang merasakan dirinya betul dan orang lain adalah sebaliknya yang menimbulkan sikap angkuh dan berasa diri lebih baik hingga menyukarkan kita untuk sedar akan keburukan yang telah dilakukan.

Imam Ibnu al-Qayyim Rahimahullah ada menjelaskan mengenai kaedah muhasabah yang disusun secara berperingkat itu ada empat iaitu :

1. Memulakan muhasabah diri dengan mengenang semua kefarduan yang wajib ke atas kita untuk menyempurnakannya. Jika ada yang masih diabaikan, berazamalah untuk menyempurnakannya.

2. Muhasabah diri terhadap maksiat, kemungkaran, tegahan dan syariat yang kita lakukan. Jika ternyata kita masih terlibat dengan semua ini, bertaubat, beristighfar

dan kembalilah kepada ketaatan.

3. Muhasabah diri terhadap kelalaian dan kealpaan. Kembalilah kepada Allah dengan usaha mengingati-Nya dengan lebih memperbanyakkan sembahyang-sembahyang sunat atau berjemaah, mendengar tazkirah, berzikir dan membaca Al-Quran.

4. Muhasabah pada seluruh anggota tubuh kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala iaitu lidah, kaki, tangan, mata, telinga dan anggota lain. Tanyalah diri kita sendiri, apakah semua nikmat tersebut telah kita gunakan untuk memburu keredaan-Nya? Jika masih jauh daripada perkara tersebut, marilah kita kembali ke pangkal jalan iaitu selagi hayat masih dikandung badan.

Justeru, bagi membangunkan semula kejayaan di dunia dan akhirat, ia perlulah dimulakan dengan bermuhasabah kerana melalui kita akan mengenali diri kita; kekuatan dan kelemahan, prestasi dan kekurangan, keperluan dan kelebihan yang sedia ada di dalam diri. Begitu juga, melalui muhasabah juga kita akan memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang menjadi penghalang kejayaan di samping membuka ruang-ruang dan mengatur langkah-langkah yang boleh membantu kita untuk kuat bermujahadah.

Kita perlu bermuhasabah dan menjadikannya sebagai salah satu titik

permulaan untuk kita menginsafi kelemahan diri dan kesalahan yang pernah dilakukan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan sesama manusia dengan tedaj yang bersungguh-sungguh untuk menjadi insan yang lebih baik berbanding sebelumnya. Jika kita tergelincir dalam kemaksiatan, maka segeralah kita kembali ke pangkal jalan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan amal kebajikan kerana pahalanya dapat menghapuskan dosa-dosa yang pernah dilakukan. Hisablah diri kita dengan melihat masa-masa yang lalu dan sekarang, apakah kita masih berada di landasan yang betul, mematuhi segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala atau sebaliknya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah ar-Ra'd, ayat 11 yang mafhumnya :

"Bagi (setiap) manusia ada malaikat-malaikat silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya yang menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki (untuk menimpakan) keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperoleh pelindung selain daripada-Nya".

# MPK JERUDONG 'B' SERAH SUMBANGAN WAKAF



MAJLIS Perundingan Kampung Jerudong 'B' mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Sebuah Kerusi Roda

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B'

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Penyerahan sumbangan wakaf Isnin, 1 Januari. Majlis kerusi roda tersebut disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang kepada salah seorang anak yatim di kampung berkenaan iaitu Dayang Nur Qaleesha

Huwaina binti Haji Mustazan. Wakaf tersebut adalah untuk kegunaan Dayang Nur Qaleesha Huw semasa belajar di sekolah nanti. Turut hadir pada majlis berkebajikan tersebut, Ahli-ahli MPK Jerudong 'B' yang berlangsung di rumah anak yatim berkenaan.

## Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

**Faktor Risiko:**

- ✗ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- ✗ Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Pernah menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Berat badan yang berlebihan.
- ✗ Merokok.
- ✗ Tidak aktif.
- ✗ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✗ Meminum minuman keras yang berlebihan.

**Langkah Pencegahan:**

- ✗ Tidak merokok.
- ✗ Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- ✗ Elakkan meminum minuman keras.
- ✗ Meningkatkan aktiviti fizikal.
- ✗ Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

**Tanda-tanda kanser kolorektal:**

- ✗ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✗ Darah dalam najis.
- ✗ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✗ Kembung perut.
- ✗ Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

# MINDA PEMBACA

## Pentingnya pengesanan awal kanser

**KANSER** adalah merupakan ancaman serius yang memerlukan perhatian segera. Penyakit ini telah menjadi salah satu punca terbesar di negara kita. Pesakit-pesakit yang disahkan menghidap kanser boleh menjadi satu pengalaman yang amat menakutkan. Oleh yang demikian, keutamaan pada pengesanan kanser adalah amat penting. Tindakan ini memegang peranan besar dalam memberikan peluang rawatan intensif yang lebih berkesan dan meningkatkan jangka hayat individu tersebut.

Pengesanan awal kanser melibatkan pelaksanaan pemeriksaan berkala dan kesedaran terhadap tanda-tanda gejala yang mungkin muncul. Mengenali tanda-tanda kanser juga memainkan peranan penting. Mengalami perubahan mendadak dalam berat badan, pembengkakan yang tidak dapat dijelaskan atau masalah sistem pencernaan merupakan contoh-contoh dari tanda awal penyakit kanser. Beberapa ujian seperti ujian saringan dan imbasan harus dilakukan dengan mengikut jadual yang telah ditetapkan, terutama bagi individu yang berada dalam kategori risiko tinggi. Dengan cara ini, penyakit ini dapat dikenal pasti pada peringkat permulaan sebelum mencapai tahap lanjut yang lebih sulit untuk dirawat.

Tambahan pula, pengesanan awal kanser juga berperanan dalam mengurangkan beban kewangan yang mungkin dialami oleh pesakit dan keluarga. Rawatan pada peringkat awal cenderung lebih kos efektif dan memerlukan masa yang lebih singkat. Pada masa yang sama, peluang untuk pulih sepenuhnya meningkat, memberikan sumbangan positif kepada kesejahteraan mental dan fizikal.

Dengan itu, langkah pengesanan awal bukan sekadar tanggungjawab individu, tetapi juga memerlukan sokongan masyarakat dari setiap lingkungan umur. Di samping itu, kempen kesedaran haruslah dilaksanakan dengan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang kepentingan pemeriksaan berkala dan tanda-tanda awal yang wajar diberi perhatian.

Dengan meningkatkan kesedaran ini, lebih banyak individu dapat mengakses pengesanan awal kanser, membuka peluang untuk rawatan yang lebih berkesan. Secara keseluruhannya, keutamaan pada pengesanan awal kanser adalah kunci untuk mengatasi cabaran ini. Kesedaran masyarakat perlu ditingkatkan, dan amalan pemeriksaan berkala harus diintegrasikan dalam usaha mencegah dan merawat kanser. Dengan langkah-langkah proaktif ini, kita dapat menjaga diri dan orang-orang yang kita cintai daripada kesan berbahaya kanser.

**Nama : Muhammad Nor Iman bin Haji Norman**  
**No. K/P : 01-132XXX**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 3 Januari 2024
2. 'Meningkatkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 10 Januari 2024
3. 'Azam Tahun Baharu, Perlu Dicapai'. Tarikh Tutup : 17 Januari 2024


Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :  
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

## Menangi BND75

SETIAP MINGGU

## Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**H**ARTA merupakan salah satu rezeki daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Mencari harta halal adalah suatu kewajipan bagi umat Islam. Dengan harta halal tersebut seseorang itu akan dapat menggunakannya untuk mendapatkan makanan yang halal, minuman yang halal, pakaian yang halal dan seumpamanya sebagaimana hadits daripada Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Mencari (rezeki) yang halal adalah wajib ke atas setiap orang Islam.

(Hadits riwayat ath-Thabarani)  
Allah Subhanahu wa Ta'ala memerintahkan untuk memakan makanan yang halal sebagaimana firmanNya:

Tafsirnya: Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.

(Surah al-Ma'idah: 88)  
Menurut Imam al-Qurthubi Rahimahullah ketika menafsirkan ayat tersebut dalam kitabnya al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an, makan itu secara khusus disebut dalam ayat tersebut kerana ia merupakan tujuan yang paling besar daripada rezeki dan pengambilan manfaat yang paling khusus bagi insan. Perintah memakan makanan yang halal lagi baik itu termasuk juga perintah meminum minuman, memakai pakaian, menaiki kenderaan dan lain-lain kenikmatan yang halal lagi baik.

Manakala memakan harta haram iaitu yang diperolehi dengan cara yang bertentangan dengan syara' adalah dilarang oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana firmanNya:

**JIKA harta haram itu tidak diketahui pemiliknya dan dia berputus harap untuk mencari pemiliknya, maka harta haram tersebut menjadi sebahagian daripada harta Baitulmal untuk disalurkan kepada maslahat umum orang-orang Islam atau disedekahkan kepada orang fakir dan miskin. Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab menjelaskan perkara tersebut dengan menukil pandangan Imam al-Ghazali Rahimahullah dalam kitab Ihya' 'Ulum ad-Din:**

**Ertinya: Jika dia tidak mengetahui pemilik harta tersebut dan dia berputus harap untuk mengetahuinya, maka (harta tersebut) hendaklah dia menyalurkannya untuk tujuan maslahat umum orang-orang Islam seperti pembinaan jambatan-jambatan, rumah-rumah persinggahan yang dibina untuk musafir atau orang miskin, masjid-masjid, maslahat-maslahat jalan ke Makkah dan seumpamanya yang diguna sama (manfaatnya) sesama orang-orang Islam padanya, dan jika tidak (disalurkan untuk tujuan maslahat umum), maka dia sedekahkan (harta tersebut) kepada seorang fakir atau orang-orang fakir.**

# Pengurusan Harta Haram

Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang bathil (seperti makan hasil riba, merampas, menipu dan berjudi), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu.

(Surah an-Nisa': 29)  
Antara bahaya memakan harta haram ialah orang yang memakannya dimasukkan ke dalam neraka disebabkan daging dan darah yang tumbuh daripada harta haram. Dalam hadits daripada Ka'b bin 'Ujrah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Wahai Ka'b bin 'Ujrah, sesungguhnya tidak akan masuk syurga (seseorang yang ada padanya) daging dan darah yang tumbuh daripada (harta) yang haram, setiap daging dan darah yang tumbuh daripada (harta) yang haram maka neraka adalah lebih utama baginya.

(Hadits riwayat ath-Thabarani)

Jelas daripada ayat al-Qur'an dan hadits di atas bahawa Islam telah menetapkan harta yang dimiliki oleh orang Islam mestilah diperolehi dengan cara yang halal iaitu dengan cara yang dibenarkan oleh syara' seperti hasil daripada transaksi jual-beli yang sah dan pendapatan daripada pekerjaan yang halal di sisi syara'. Jika harta tersebut diperolehi dengan cara yang bertentangan dengan syara' seperti hasil daripada transaksi riba, rasuah, perjudian, rompakan, rampasan, curi, penipuan dan seumpamanya, maka ia dipanggil sebagai harta haram.

Berkaitan dengan perkara ini, sebahagian orang mungkin menyedari bahawa dia memiliki harta haram namun dia tidak mengetahui apakah yang perlu dibuatnya dengan harta haram tersebut jika dia ingin bertaubat dan membebaskan dirinya daripadanya. Adakah dia boleh membuang atau memusnahkan sahaja harta haram itu memandangkan dia tidak boleh membelanjakannya untuk kepentingan dirinya dan keluarganya atau terdapat cara lain mengikut kaedah atau cara yang telah ditetapkan oleh syara'? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai pengurusan harta haram.

Cara yang telah ditetapkan oleh syara' dalam mengurus harta haram yang diperolehi oleh orang Islam adalah sebagaimana berikut:

1. Jika harta haram yang diperolehinya itu diketahui pemiliknya seperti barang curian, maka wajib dikembalikan kepada pemiliknya atau wakil pemiliknya dengan segera. Jika pemiliknya sudah meninggal dunia, maka wajib dikembalikan harta tersebut kepada waris pemilik. Berkemungkinan perkara ini, Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab menukil pandangan Imam al-Ghazali Rahimahullah dalam kitab Ihya' 'Ulum ad-Din:

**MENURUT Imam al-Qurthubi Rahimahullah ketika menafsirkan ayat tersebut dalam kitabnya al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an, makan itu secara khusus disebut dalam ayat tersebut kerana ia merupakan tujuan yang paling besar daripada rezeki dan pengambilan manfaat yang paling khusus bagi insan. Perintah memakan makanan yang halal lagi baik itu termasuk juga perintah meminum minuman, memakai pakaian, menaiki kenderaan dan lain-lain kenikmatan yang halal lagi baik. Manakala memakan harta haram iaitu yang diperolehi dengan cara yang bertentangan dengan syara' adalah dilarang oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana firmanNya:**

**Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang bathil (seperti makan hasil riba, merampas, menipu dan berjudi), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu. (Surah an-Nisa': 29)**

'Ulum ad-Din:

Ertinya: Al-Ghazali berkata: Jika ada bersamanya (seseorang) harta haram dan (dia) mahu bertaubat serta membebaskan diri daripadanya (harta haram tersebut), jika harta tersebut ada pemilik tertentu, (maka) wajib menyerahkannya (harta tersebut) kepadanya atau kepada wakilnya. Jika (pemilik tersebut) telah meninggal dunia, (maka) wajib menyerahkannya (harta tersebut) kepada ahli warisnya.

2. Jika harta haram itu tidak diketahui pemiliknya dan dia belum berputus harap untuk mencari pemiliknya, maka dia hendaklah berusaha untuk mencari pemiliknya selama dia masih belum berputus harap untuk mencarinya dan sunat hukumnya untuk dia mewartarkan tentang harta tersebut. As-Sayyid Ba 'Alawi Rahimahullah dalam kitab Bughyah al-Mustarsyidin berkata:

Ertinya: Jika dia tidak mengetahui pemiliknya dan dia tidak berputus harap dari mengetahui (keberadaannya), wajib ke atasnya untuk mengetahuinya dan berusaha padanya, dan sunat dia mewartarkannya, dan berniat untuk mengembalikannya kepadanya (pemilik) apa cara sekalipun dia menjumpainya atau warisnya (jika pemiliknya meninggal dunia).

Selain itu, dia juga hendaklah menyerahkan harta haram tersebut kepada qadhi (penguasa) yang amanah atau kepada orang alim jika tidak terdapat qadhi yang amanah. Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah menyebut perkara ini dengan berkata:

Ertinya: Tidak halal membelanjakannya (harta haram) selama pemiliknya diharapkan wujud, bahkan diserahkan (harta haram tersebut) pada qadhi yang amanah jika dijumpai (qadhi sedemikian), jika tidak (dijumpai) maka (diserahkan pada) orang alim.

Menurut As-Sayyid Ba 'Alawi Rahimahullah dalam kitabnya Bughyah al-Mustarsyidin, jika dia tidak menjumpai qadhi yang amanah, maka tidaklah dia berdosa dengan menyimpannya dan dia hendaklah berniat untuk mengembalikannya selama pemiliknya belum ditemui.

3. Jika harta haram itu tidak diketahui pemiliknya dan dia berputus harap untuk mencari pemiliknya, maka harta haram tersebut menjadi sebahagian daripada harta Baitulmal untuk disalurkan kepada maslahat umum orang-orang Islam atau disedekahkan kepada orang fakir dan miskin. Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab menjelaskan perkara tersebut dengan menukil pandangan Imam al-Ghazali Rahimahullah dalam kitab Ihya' 'Ulum ad-Din:

Ertinya: Jika dia tidak mengetahui pemilik harta tersebut dan dia berputus

harap untuk mengetahuinya, maka (harta tersebut) hendaklah dia menyalurkannya untuk tujuan maslahat umum orang-orang Islam seperti pembinaan jambatan-jambatan, rumah-rumah persinggahan yang dibina untuk musafir atau orang miskin, masjid-masjid, maslahat-maslahat jalan ke Makkah dan seumpamanya yang diguna sama (manfaatnya) sesama orang-orang Islam padanya, dan jika tidak (disalurkan untuk tujuan maslahat umum), maka dia sedekahkan (harta tersebut) kepada seorang fakir atau orang-orang fakir.

Menurut Imam al-Ghazali Rahimahullah lagi, harta haram itu hendaklah ditadbir oleh qadhi (penguasa) yang jujur dalam menyalurkannya kepada maslahat umum umat Islam. Jika tidak ada qadhi yang jujur, maka diserahkan kepada orang alim (ahli agama). Jika tidak ada, maka diurus sendiri bagi kegunaan maslahat umum umat Islam sebagaimana katanya:

Ertinya: Dan hendaklah ia diurus oleh qadhi (penguasa) jika dia jujur. Jika dia tidak jujur, tidak harus menyerahkan kepadanya. Jika dia menyerahkannya kepadanya, maka orang yang menyerahkan itu menjadi dhamin (bertanggungjawab menggantinya), bahkan hendaklah dia melantik seorang lelaki ahli agama dari penduduk negeri (kerana) pelantikan itu lebih utama daripada bersendirian (mengurusnya). Jika dia tidak mampu berbuat demikian, maka dia mengurusnya sendiri.

As-Sayyid Ba 'Alawi Rahimahullah dalam kitab Bughyah al-Mustarsyidin juga menjelaskan:

Ertinya: Dan jika dia berputus harap dari mengetahui (mencari) pemiliknya iaitu jauh sekali pada adatnya dia wujud, (maka harta itu) menjadi sebahagian daripada kumpulan harta-harta Baitulmal seperti wadi'ah dan harta rampasan yang telah berputus harap untuk mengetahui pemilik kedua-duanya dan (seperti) harta pusaka yang tidak diketahui waris baginya. Ketika itu, dia menyalurkan kesemuanya untuk maslahat orang-orang Islam yang utama dengan didahulukan yang lebih utama, seperti pembinaan masjid tatkala tidak ada yang lebih umum (maslahatnya) daripadanya. Jika ada sesiapa yang di bawah tanggungannya seorang fakir maka dia (harus) mengambil sekadar hajatnya bagi dirinya dan tanggungannya yang fakir sebagaimana (disebut) dalam kitab at-Tuhfah dan lainnya.

Menurut Imam Ibn 'Asyur Rahimahullah dalam kitabnya Maqashid asy-Syari'ah al-Islamiyyah, maslahat umum bermaksud apa jua perkara yang memberi kebaikan kepada masyarakat umum atau kebanyakan orang tanpa mengambil kira kepada keadaan individu-individu itu tetapi mereka itu dilihat sebagai sebahagian daripada kumpulan masyarakat tersebut.

Demikian penjelasan mengenai pengurusan harta haram.





	JANUARI Jamadilakhir / Rejab 1445H	FEBRUARI Rejab / Syaaban 1445H	MAC Syaaban / Ramadan 1445H	APRIL Ramadan / Syawal 1445H	MEI Syawal / Zulkaedah 1445H	JUN Zulkaedah / Zulhijah 1445H	JULAI Zulhijah 1445H / Muharam 1446H	OGOS Muharam / Safar 1446H	SEPTEMBER Safar / Rabiulawal 1446H	OKTOBER Rabiulawal / Rabiulakhir 1446H	NOVEMBER Rabiulakhir / Jamadilawal 1446H	DISEMBER Jamadilawal / Jamadilakhir 1446H	
ISNIN	1 Awal Tahun Masihi	19		1	21		1	24	30	26		30	28
SELASA	2	20		2	22		2	25		27		31	29
RABU	3	21		3	23	1	3	26		28			
KHAMIS	4	22	1	4	24	2	4	27	1	29			
JUMAAT	5	23	2	5	25	3	5	28	2	30	1	28	
SABTU	6	24	3	6	26	4	6	29	3	1	2	29	
AHAD	7	25	4	7	27	5	7	26	4	2	3	1	29
ISNIN	8	26	5	8	28	6	8	27	5	3	4	2	30
SELASA	9	27	6	9	29	7	9	28	6	4	5	3	1
RABU	10	28	7	10	30	8	10	29	7	5	6	4	2
KHAMIS	11	29	8	11	1	9	11	30	8	6	7	5	3
JUMAAT	12	30	9	12	2	10	12	1	9	7	8	6	4
SABTU	13	1	10	13	3	11	13	2	10	8	9	7	5
AHAD	14	2	11	14	4	12	14	3	11	9	10	8	6
ISNIN	15	3	12	15	5	13	15	4	12	10	11	9	7
SELASA	16	4	13	16	6	14	16	5	13	11	12	10	8
RABU	17	5	14	17	7	15	17	6	14	12	13	11	9
KHAMIS	18	6	15	18	8	16	18	7	15	13	14	12	10
JUMAAT	19	7	16	19	9	17	19	8	16	14	15	13	11
SABTU	20	8	17	20	10	18	20	9	17	15	16	14	12
AHAD	21	9	18	21	11	19	21	10	18	16	17	15	13
ISNIN	22	10	19	22	12	20	22	11	19	17	18	16	14
SELASA	23	11	20	23	13	21	23	12	20	18	19	17	15
RABU	24	12	21	24	14	22	24	13	21	19	20	18	16
KHAMIS	25	13	22	25	15	23	25	14	22	20	21	19	17
JUMAAT	26	14	23	26	16	24	26	15	23	21	22	20	18
SABTU	27	15	24	27	17	25	27	16	24	22	23	21	19
AHAD	28	16	25	28	18	26	28	17	25	23	24	22	20
ISNIN	29	17	26	29	19	27	29	18	26	24	25	23	21
SELASA	30	18	27	30	20	28	30	19	27	25	26	24	22
RABU	31	19	28		21	29	31	20	28	26	27	25	23
KHAMIS		29	19	28	21	27		29	24	22	27	26	24
JUMAAT			29		22	28		30	25	23		27	25
SABTU			30		29			31	26	24		28	26
AHAD			31		30				27	25		29	27

Rujukan: Jabatan Perdana Menteri | Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan | Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama | Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
 Jawatankuasa Editorial: Siti Binti Nurjuman binti Haji Awang Emzah | Sastra Samri binti Haji Jusuf | Hidayah Hamsyah binti Dato' Keria Haji Jaya | Haj Fatih Foad bin Dato' Seri Setia Haji Abu Bakar | Ali Terrence bin Haji  
 Roslan Haji Rani | Hana bin Mohd | Anni Faridah binti Awang Yaha | Norhan binti Haji Abdul Hamid | Mohammad Romie bin Haj Duran | Mudi Kharunak bin Haj Muzal | Muhsin | Haniy Rosdani binti Haj  
 Isma | Ezawati Hanin binti Abdullah @ Dk. Nasibahanim binti Pg. Haji Bakar | Mohamed Azmi bin Awang Damit | Saadatul Nur Aglahi binti Hajj Jaman | Mufidah binti Abdul Hakim | Haj Khairulnawar bin Haj Ibrahim |  
 Hasnani Hidayat bin Haji Abu Bakar | Dalia Magdina binti Dato' Seri Setia Haji Lamit | Uzzah Hazrah binti Haj Adil Othman | Nurhaniza binti Awang Haj Roslan | Siti Inasulchah @ Selma binti Malek  
 Jawatankuasa Perlesenan: Nor Hanisah binti Haji Abd Halim | Zainyudin Nizam binti Mohamad Akir | Haniy Siti Musahat binti Haj Saleh | Syawah binti Matsum | Nor Zunana binti Haj Azman/Malai | Nurul Hazwani binti  
 Abi Omar | Norasiah binti Muhammed | Haniy Nurizan binti Mohd. Iwan | Siti Fauziahaniyah binti Awang Mahani | Nurul Halimah Syahidah binti Hassan.  
 Grafik & Reka Letak: Kharul Shahrim bin Haji Abdul Ghalor | Mohammad bin Kahar | Mohammad Arby bin Haji A.M. Soehne | Muhammad Abdul Malek Ridwan bin Haji A. Hamid  
 Sumber Foto: Line Foto, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



**Panggilan Kecemasan**  
 AMBULANS 991  
 POLIS 993  
 BOMBA 995  
 Mencari & Menyelamat 998



• Cuti Awam  
 • Cuti-Cuti Penggal Persekolahan  
 \* Terletak Kepada Perubahan



# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ

الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانِ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالطَّعْنِ وَالطَّاعُونِ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفَيْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ  
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ  
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقُدُ، وَتَنَفَّرِحُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضِّي بِهِ  
الْحَوَائِجِ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cururan air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cururan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوؤُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُؤُ بِذُنُوبِي،  
فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباحوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tawaran**  
**Keterangan Tawaran :**  
Tawaran Kerja-Kerja Meratakan Dan Menimbuk Tanah Bagi Gerai Kampung Lumapas, Mukim Lumapas, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran :**  
JDBM / Q / 64 / 2023

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Tidak Lewat Selasa  
16 Januari 2024,  
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga :**  
08 / DEC / 2023 / KKBS / HSSE / SECURITY / GV

**Tajuk Sebut Harga :**  
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi Bangunan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Jabatan Belia Dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Sebut Harga :**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Khamis  
18 Januari 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**  
UNISSA / LTK / MMKK / GDG / 02TAHUN / 2024-2026:  
Tawaran Perkhidmatan Penyediaan Dan Penyajian Makanan Dan Minuman Kolej Kediaman Kampus Gadong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

**Yuran Tawaran :**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Tidak Lewat Selasa  
23 Januari 2024,



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi**  
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Karpas Dan Wallpaper Di Bilik Al-Mahabah, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi, Brunei Darussalam

**Rujukan Tawaran :**  
KP(MC)SUT / 6.12 / ASSET / 03 / 2023

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
10 Januari 2024  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran Kastam dan Tajuk Tawaran**  
Bil. 35 / 2023

Tawaran Bagi Perkhidmatan Penggantian Atap Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Tidak Lewat Selasa  
23 Januari 2024,  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Jabatan Penerbangan Awam**

**Tajuk dan Bilangan Tawaran:**  
The Supply, Installation, Testing, and Commissioning Of A New High-Power PoE VLAN Network Switch to Enhance the Airport Networking System At Brunei International Airport.  
TERMINAL / 2023-2024 / SH-08

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :**  
3 Januari 2024,  
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :**  
16 Januari 2024,  
Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
17 Januari 2024,  
Rabu.  
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Pemberitahuan Tawaran**


**Bilangan Tawaran :**  
KK / 279 / 2023 / PHARM

**Keterangan :**  
The Supply and Delivery Of Medicines For the Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 282 / 2023 / LAB(TC)

**Keterangan :**  
To Supply and Deliver Laboratory Consumables (Part



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Jawatan Berkontrak:**  
Penolong Pekerja Kanan Belia Dan Sukan  
Jabatan Belia Dan Sukan

C1 EB2  
(BND1,225 Sebulan)

**Kekosongan :**  
Satu (1)

**Tatacara Menghadapkan Permohonan**

Borang Permohonan boleh didapati dan menghadapkan borang yang lengkap ke alamat tersebut:-

Kaunter Penyambut Tetamu

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**1. Bilangan Tawaran :**  
(185) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Supply and Installation Of Stainless Steel Bollards and G.I Pipe Bollards At Playground, Youth Hub and Annex (Zone C), Hassanal Bolkiah National Stadium

**2. Bilangan Tawaran :**  
(186) JBS / ADM / QC / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
Supply and Install Of New Split Air-Conditioning Unit and Repair Works At Pusat Belia Daerah Tutong, Ministry Of Culture, Youth



1) For National Mycobacteria Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**Tarikh Tutup :**  
Selasa  
16 Januari 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Jabatan Belia dan Sukan, Tingkat 4, Spg 336-17, Jln Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Permohonan :**  
3 Januari 2024

**Tarikh Tutup Permohonan:**  
Rabu  
17 Januari 2024

**Rujukan Iklan:**  
03 / 2023



and Sports, Brunei Darussalam

**3. Bilangan Tawaran :**  
(187) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Urgent Works to Replace and Repair Existing Pumps At Batu Apoi Swimming Pool, Kompleks Sukan Batu Apoi

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

# LATIHAN BERSEPADU, 3-4 JANUARI INI

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** agensi keselamatan dengan menggunakan bahan letupan pada Rabu, 3 Januari hingga Khamis, 4 Januari 2024, bermula jam 10.00 malam

hingga 4.00 pagi bermula dari kawasan Istana Darul Hana melalui Jalan Tumasek menuju ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan dengan itu, pihak PPDB ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama penduduk yang tinggal berdekatan supaya tidak berasa cemas dan tidak

menghampiri tempat latihan berkenaan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.



■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Januari. - Gara-gara anak lelaki dimarahi oleh 'Si Jebon' di flat Kampung Belimbing Subok, seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan lima kali sebatan atas dua pertuduhan.

Majistret Abdul 'Azim bin Othman menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap defendan, Mas Fadilah bin Pungut, 38 tahun setelah mengaku bersalah atas pertuduhan menikam 'Si Jebon' di

dada dengan pisau lipat. Menurut pertuduhan, kejadian yang berlaku pada 13 Disember 2023, jam 4.40 petang, defendan yang ketika itu berada di flat tempat tinggal ibunya dan terdengar 'Si Jebon' menjerit pada kanak-kanak yang sedang bermain bola sepak di kawasan lapang di bawah flat berkenaan. Defendan bertanya kepada 'Si Jebon' mengapa beliau menjerit, beliau menjelaskan beliau memarahi kanak-kanak berkenaan kerana ditakuti akan memecahkan tingkap kaca.

## Dihukum penjara, sebat akibat mencederakan seorang lelaki

Mangsa juga memberitahu yang beliau juga telah memberi amaran kepada kanak-kanak berkenaan tiga hari sebelumnya.

Defendan kemudian menyedari bahawa anaknya adalah salah seorang yang dimarahi.

Kemudian, defendan memberitahu mangsa supaya jangan marah atas sesuatu yang berlaku beberapa hari lalu.

Setelah itu, kedua-duanya terlibat dalam pertengkaran menyebabkan defendan bertindak mengeluarkan pisau lipat dan mencetuskan insiden kejar-mengejar dan pergelutan antara mereka, sebelum defendan bertindak menikam bahagian dada kanan mangsa.

Seorang lagi individu yang berada di kawasan berkenaan berusaha meleraikan pergaduhan

tersebut dan akhirnya defendan meninggalkan tempat kejadian dengan keretanya.

Mangsa kemudian membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan defendan tidak lama kemudian.

Defendan mengaku telah menyebabkan kecederaan kepada mangsa dengan menikam bahagian dada kanannya menggunakan pisau lipat.

Defendan juga mengaku membawa pisau lipat berkenaan dan kemudian mengeluarkannya semasa pertengkaran lisan mereka dengan tujuan untuk menakutkan mangsa.

Dalam siasatan, pihak polis telah menemui semula pisau lipat berkenaan daripada defendan dan beg *sling* yang defendan bawa semasa kejadian.

Siasatan polis juga mendapati mangsa dibawa ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleh (RIPAS) dengan ambulans akibat daripada kecederaan berkenaan.

Selepas pemeriksaan kesihatan, doktor perubatan yang memeriksa mangsa pada 13 Disember 2023 pada jam 5.59 petang mengesahkan bahawa mangsa mengalami luka kecederaan sepanjang dua sentimeter di bahagian kanan dada mangsa, lebih khusus di garisan Anterior Axillary.

Doktor perubatan turut membuat kesimpulan bahawa luka berkenaan disebabkan oleh kecederaan tajam.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Kamal Ariffin bin Ismail.

## Hos aplikasi perniagaan awda di pengehosan awan.

Lindungi data awda



Kami menempatkan data awda di pusat-pusat data kami yang tersedia bagi mengelakkan kegagalan setempat.

Dihoskan di Brunei



Pematuhan kepada penetapan data tempatan.

Diperakui ISO



Dihoskan di pusat data yang diperakui ISO/IEC 27001:2022.

Perkhidmatan lain



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut.



Perkhidmatan Pengehosan Kolokasi



Perkhidmatan Keselamatan Siber

### Perkhidmatan Pengehosan Awan

Kami membolehkan perniagaan untuk menikmati infrastruktur pengkomputeran atas permintaan tanpa perlu mengurus dan memiliki peralatan fizikal.



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)



Empowering Digital Society

# PELBAGAI AKTIVITI DILAKSANAKAN PERMULAAN SESI PEMBELAJARAN

Berita dan Foto : Aimi Sani



**GURU** Besar SRPM, Dayang Hajah Noordini binti Haji Tuah semasa ditemu bual.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Januari. - Penggal pertama sesi persekolahan bagi tahun 2024 bermula hari ini, dengan ribuan pelajar memulakan sesi pembelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan dan swasta di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, Pelita Brunei berkesempatan membuat

tinjauan ke Sekolah Rendah Pintu Malim (SRPM).

Guru Besar SRPM, Dayang Hajah Noordini binti Haji Tuah ketika ditemui berkata, persediaan SRPM dalam menerima murid-murid bagi sesi akademik bagi tahun 2024, guru-guru diberikan tugas-tugas yang telah awal dirancang di samping menyediakan pelbagai aktiviti yang disediakan semasa hari pertama dan hari kedua memulakan sesi persekolahan pada tahun ini.

Menurut beliau, pelbagai aktiviti dirancang awal bagi memberikan satu suasana yang lebih ceria dengan mengalu-alukan kedatangan murid-murid pada hari pertama mereka.

Murid-murid akan membuat aktiviti secara berkumpulan dan juga aktiviti ringan seperti

**DAYANG Ayesha Sofya Amanda binti Haji Assnol Humaizi @ Rozaimi, murid Tahun 6.**



senamrobik, bagi memberi sedikit pergerakan untuk memberikan satu permulaan pada hari pertama persekolahan.

Sementara itu, salah seorang guru SRPM, Dayang Nooralini binti Moxsin, guru kelas Tahun 6 berkata seperti lazimnya, guru-guru memang membuat persediaan lebih awal dengan mengedarkan buku-buku teks, pemberian senarai buku-buku yang harus dibeli selain memaklumkan murid-murid akan kelas mereka terlebih awal.

"Guru-guru membuat persediaan semasa cuti sekolah bagi membolehkan murid-murid belajar dalam keadaan selesa dan tersedia," terangnya lagi.

Manakala bagi murid-murid Tahun 6, Awang Muhammad Adi Rahmat bin Zaini dan Dayang Ayesha Sofya Amanda binti Haji Assnol Humaizi @ Rozaimi pula menjelaskan, mereka telah bersedia secara mental untuk menghadiri sesi persekolahan pada tahun ini kerana mereka



**AWANG** Muhammad Adi Rahmat bin Zaini, murid Tahun 6.



**DAYANG** Nooralini binti Moxsin, guru kelas Tahun 6.

bakal menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang dijadualkan akan berlangsung pada Oktober nanti.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihatkan para ibu bapa atau penjaga untuk

memberikan kerjasama dalam memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan agar tidak tercicir dalam pembelajaran atau mendapat pendidikan, lebih-lebih lagi bagi yang masih dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

## SMSSA terima 194 pelajar Tahun 7

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**GURU** Kanan Bahagian Pentadbiran, SMSSA, Dayang Hajah Arisya @ Nor Banei Effah binti Haji Mohd. Yussof.

**SALAMBIGAR**, Selasa, 2 Januari. - Seramai 194 pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA) akan memulakan sesi persekolahan bagi penggal pertama tahun akademik 2024, di mana sebanyak sembilan buah kelas telah ditetapkan bagi para pelajar ini.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pengetua SMSSA, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim semasa temu bual Pelita

Brunei mengenai persediaan sekolah tersebut bagi tahun akademik 2024.

Bagi pelajar Tahun 7 terangnya, perancangan bagi kemasukan mereka telah dirancang pada bulan November 2023, dan sesi orientasi bagi mereka akan bermula 3 Januari hingga 8 Januari 2024.

Tambahnya, sesi orientasi akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Tahun 7 'C', 'H', 'A', 'M', 'P' bermula 7.15 pagi hingga 9.45 pagi; dan Tahun 7 'I', 'O', 'N', 'S' akan bermula dari 10.00 pagi hingga 12.15 tengah hari.

Di antara perisian orientasi tersebut menurutnya ialah, ucapan alu-aluan daripada Pengetua SMSSA, Taklimat Akademik, menandatangani Akta Pendidikan Wajib, Taklimat daripada Hal Ehwal Pelajar (HEP), Taklimat daripada Insuran Takaful, Taklimat daripada Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), dan Taklimat daripada Guru Besar Sekolah Ugama SMSSA.

Terdahulu itu, Pengetua SMSSA mengongsikan mengenai persiapan bagi kemasukan pelajar tahun 2024, yang mana persiapan telah pun dibuat semasa bulan N o v e m b e r

2023 seperti jadual pembelajaran bagi tahun 2024, guru tingkatan untuk 2024, dan aktiviti *back-to-school* bagi pelajar Tahun 8 hingga Tahun 11 yang diadakan selama dua hari iaitu 2 Januari hingga 3 Januari 2024.

Dalam dua hari ini katanya, para pelajar belum lagi memulakan pembelajaran masing-masing, jadi untuk memotivasi mereka, pihak sekolah mengadakan aktiviti-aktiviti yang telah dinyatakan tadi.

Menyentuh mengenai keramaian penuntut SMSSA, beliau menjelaskan, seramai 1,080 orang iaitu 194 pelajar Tahun 7; 229 pelajar Tahun 8; 217 pelajar Tahun 9; 209 pelajar Tahun 10; dan 180 pelajar Tahun 11. Manakala, 33 pelajar ditempatkan di kelas Pra Vokasional; dan 18 pelajar ditempatkan di kelas BTEC yang diadakan di sesi sebelah petang.

Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin seterusnya menzahirkan ucapan tahniah kepada pelajar yang telah berjaya melangkah naik dari sekolah rendah ke sekolah menengah, dan berharap agar para pelajar dapat menyesuaikan diri kerana suasana di sekolah menengah adalah berbeza dari sekolah rendah.

Selain itu, beliau juga menyarankan agar para pelajar tidak lupa menyelitikan masa untuk berseronok semasa belajar, di samping sentiasa bersemangat, dan sentiasa mengerjakan solat.

Manakala, Guru Kanan Bahagian Pentadbiran, SMSSA, Dayang Hajah Arisya @ Nor Banei Effah binti



**PENGETUA** SMSSA, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim (kanan) dan Awang Mohd. Danish Hamsyari bin Haji Abdullah selaku Ketua Majlis Perwakilan Pelajar (kiri) semasa ditemu bual.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia  
Sila muat turun  
**PenggunaBijak**

Haji Mohd. Yussof ketika ditemui berkata, beberapa aktiviti telah disediakan bagi pelajar Tahun 8 hingga Tahun 11 iaitu aktiviti *back-to-school* selama dua hari.

Aktiviti hari pertama jelasnya, dimulakan dengan perkumpulan sekolah (*school assembly*), diikuti dengan 'Career Talk' bermula 8 pagi hingga 9 pagi bagi pelajar Tahun 8 dan Tahun 11 yang diadakan di Dewan SMSSA, dan sesi 'Ice Breaking' bagi pelajar Tahun 9 dan Tahun 10.

Tambahnya, pada pukul 9 pagi hingga 10 pagi, pelajar Tahun 8 dan Tahun 11 akan mengadakan sesi 'Ice Breaking', manakala pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 pula akan mendengarkan 'Career Talk'.

Turut diadakan juga katanya, ialah ceramah bertajuk 'Keluargaku, Harapanku, Tanggungjawab Seorang Anak' yang akan disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi pelajar Tahun 8 dan Tahun 11, dan bagi pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 pula, mereka akan mengadakan aktiviti 'Ice Breaking' di kelas masing-masing.

Bagi pelajar-pelajar Tahun 8 dan Tahun 11 yang masing-masing akan menduduki Peperiksaan Student Progress Examination (SPE) dan 'O' Level, beliau menyarankan agar mereka lebih fokus lagi dan

mengurangkan aktiviti-aktiviti lain, terutama bagi mereka yang akan menduduki peperiksaan 'O' Level.

Pihak sekolah katanya, juga menyediakan program-program khusus bagi meningkatkan akademik dan menggalakkan pelajar-pelajar berkenaan antaranya dengan mengadakan *extra class*, dan mengulang kaji kertas-kertas peperiksaan tahun-tahun yang lalu.

Sementara itu, Pelajar Tahun 11 Science 2, Awang Mohd. Danish Hamsyari bin Haji Abdullah selaku Ketua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), menjelaskan, antara persediaan bagi memulakan persekolahan tahun 2024 ini termasuk menyediakan peralatan dan uniform sekolah sebulan sebelum sekolah bermula.

Selain itu juga katanya, jadual ulang kaji juga sudah disediakan lebih awal memandangkan beliau akan menduduki peperiksaan 'O' Level pada tahun ini.

Awang Mohd. Danish Hamsyari seterusnya menyatakan azam untuk menjadi seorang pelajar yang lebih berdisiplin serta bertanggungjawab, dan melaksanakan tugas-tugas yang diberikan sebagai Ketua MPP.

Di samping itu, beliau juga ingin menyenangkan hati ibu bapa dengan mencapai keputusan yang cemerlang dalam akademik dan peperiksaan nanti.



## Azam tahun baharu jadikan diri lebih baik

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Ihsan Freepik.com, Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

**S**ETIAP 1 Januari membawa permulaan awal yang baharu. Begitu cepat masa berlalu dan kini kalender tahun 2024 telah memasuki hari ketiga dan seperti lazimnya setiap kali berganti tahun kita akan memasang atau memperbaharui azam untuk mencapai sesuatu matlamat yang dihasratkan. Pergantian tahun juga memberi kesempatan kepada kita untuk memulai segala sesuatu dengan semangat baharu serta harapan untuk membawa diri ke tahap yang lebih baik. Setiap orang mempunyai azam masing-masing akan tetapi tidak mudah bagi kita untuk terus konsisten dan komited dalam mencapai perubahan ke arah positif. Biasanya majoriti dari kita hanya bersemangat pada awalnya sahaja dan seiring berjalannya waktu, sering kali ianya terlupa dilakukan atau ditinggalkan begitu saja.

### Tetap fokus mencapai matlamat

Biasanya, azam tahun baharu merujuk kepada cita-cita, matlamat, perubahan diri untuk menjadi versi yang lebih baik dan seumpamanya. Bagi sesetengah orang, menanam azam adalah cara untuk mereka menambah semangat juang dan memperkuat

teknik dalam mencapai sasaran yang diinginkan. Secara lazimnya, apabila tahun baharu tiba, pelbagai azam yang sering didengar. Contohnya seperti keinginan untuk menurunkan berat badan, meningkatkan tahap kewangan, menjaga kesihatan, memperbaiki diri, meningkatkan iman dan sebagainya.

Menanam azam tidak salah kerana ia merupakan satu bentuk motivasi untuk menjadi lebih baik daripada sebelumnya. Apa yang penting adalah niat dan tekad kita untuk mencapai azam itu terlaksanakan dan bukan hanya dibibir sahaja. Tidak salah juga untuk kita mempunyai azam yang banyak tetapi sebaiknya kita perlu fokus dulu kepada azam utama yang kita tanam sebelum ini. Setelah itu, barulah memberi perhatian dan tumpuan kepada azam-azam yang lain untuk memastikan ianya tercapai dan menjadi kenyataan. Ini kerana untuk menjayakan azam yang sudah ditanam bukanlah mudah dan memerlukan semangat yang kuat serta dedikasi yang tinggi untuk mencapainya. Teruskan memberi motivasi kepada diri sendiri dan mencari sumber inspirasi supaya kita tetap terus bersemangat menjalani hari-hari di tahun baharu.

### Muhasabah diri

Pada awal tahun, kita umumnya memperbarui motivasi dan semangat serta menetapkan matlamat baharu. Di sisi lain, kita sedar bahawa selalunya semangat itu hanya dapat dirasakan pada hari-hari pertama. Daripada kita fokus kepada perkara negatif, adalah lebih berfaedah jika kita mengubah perspektif dengan menerima dan menjalani kehidupan dengan sebaik mungkin.


Memperbaiki diri adalah satu perkara yang amat penting di dalam hidup setiap individu dan ia hendaklah berbentuk perubahan pada satu keadaan yang lebih baik dan bukan yang sebaliknya. Setiap hari dan tahun, umur kita akan sentiasa meningkat. Justeru itu, untuk memperbaiki diri dalam hidup, keimanan dalam diri kita hendaklah sentiasa diperbaharui dan dipertingkatkan dengan melakukan amalan-amalan yang diperintahkan dan meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh agama.

Memetik daripada Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 29 Disember 2023, perlu diingat juga bahawa untuk melakukan perubahan itu bukanlah sekadar dengan angan-angan kosong mahupun khilaf semata-mata. Perubahan itu mestilah disulsi dengan tindakan, azam dan usaha yang bersungguh-sungguh.

Pelbagai peristiwa suka-duka, pahit dan manis telah ditempuh dan dihadapi sepanjang tahun 2023. Sebagai seorang yang beriman, kita hendaklah meyakini bahawa segala yang berlaku itu merupakan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dimuhasabah agar kita dapat merancang dan merencanai sesuatu yang lebih baik untuk masa akan datang.

Susuli azam tahun baharu dengan doa, tawakal apabila usaha telah dilaksanakan, maka selebihnya berserahlah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sentiasa berdoa agar diberi kekuatan diri dan iman dalam menjalani cabaran dan rintangan hidup. Seterusnya, bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk memperoleh pelbagai kemaslahatan dan menghilangkan bahaya dalam urusan dunia mahupun akhirat. Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran ayat 159, yang tafsirnya : "Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang bertawakal".

Oleh itu, marilah kita bermuhasabah diri pada tahun baharu ini dan menanamkan azam untuk memperbaiki iman kita agar sentiasa melakukan perubahan untuk menjadi insan yang lebih baik.



# SENTIASA AMALKAN PERNIAGAAN BERETIKA



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi



BAHAGIAN Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu iaitu lawatan mengejut ke atas lima buah premis perniagaan di Daerah Brunei dan Muara pada 18 Disember lalu.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Januari. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu iaitu lawatan mengejut ke atas

lima buah premis perniagaan di Daerah Brunei dan Muara pada 18 Disember lalu.

Hasil daripada operasi berkenaan, para penguatkuasa Unit SDT telah mendapati sebanyak 18 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal

151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).

Kesemua lima premis perniagaan yang diperiksa oleh JPES didapati mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya di mana tanda harga dipamerkan dengan jelas dan selaras dengan sistem di

kaunter pembayaran, dan barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula anak damit, tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Tiga daripada lima premis perniagaan yang diperiksa menyertai acara Brunei Salebration 2023 dan premis-premis tersebut didapati mematuhi garis panduan acara jualan yang telah ditetapkan.

Para peniaga adalah diingatkan bahawa semua produk yang dipamerkan untuk dijual kepada pelanggan dikehendaki dengan perintah di bawah Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 untuk mempamerkan tanda berat bersih yang betul dan jelas.

Kegagalan dalam mematuhi mana-mana syarat di bawah akta ini adalah kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND500 atau penjara selama tiga bulan.

Para peniaga, termasuk peserta-

peserta Brunei Salebration 2023, juga dinasihatkan untuk sentiasa peka dan patuh terhadap perundangan yang sedia ada termasuk Peraturan-Peraturan Harga Jualan Murah dengan melaksanakan amalan perniagaan yang beretika dan wajar. Ini adalah penting dalam meningkatkan keyakinan pengguna dan seterusnya membantu menyumbang kepada melahirkan penggunaan domestik yang berdaya tahan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut : i. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel : [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau menerusi talian +673 2334092; dan ii. Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada : [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn).

## Penutupan sementara stesen minyak bagi pemeriksaan alat sukatan pam minyak

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	9hb Januari 2024 (Selasa) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Berakas	Brunei Muara
2	10hb Januari 2024 (Rabu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Tumasek	
3	11hb Januari 2024 (Khamis) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Mar'azmala	
4		Syarikat Stesen Minyak Syarikat Perniagaan Melayu Sdn Bhd, Shell Service Station	Belait
5	17hb Januari 2024 (Rabu) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Kampong Keriam (Pakatan Tutong)	Tutong
6	18hb Januari 2024 (Khamis) 9:00 pagi - 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Batang Duri	Temburong

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Januari. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar

dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 bagi sebelah pagi dan jam 2.00 bagi sebelah petang hingga selesai, yang mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian

ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Bersama ini dikongsikan keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan Januari 2024 seperti dalam rajah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel : [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau melalui talian +673 233 4092.

## PERMOHONAN SKIM BIASISWA DIBUKAKAN BERMULA 2 JANUARI

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa sukacita memaklumkan bahawa permohonan Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Luar Negeri bagi Ijazah Sarjana dan Ikhtisas Sesi Akademik 2024 / 2025 akan bermula pada Selasa, 2 Januari 2024 jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Khamis, 29 Februari 2024 jam 4.00 petang.

Pemohon yang ingin memohon biasiswa untuk Ijazah Sarjana dan Ikhtisas adalah dikehendaki untuk menghadapkan borang permohonan (*softcopy*) melalui e-mel [applyscholarship@moe.gov.bn](mailto:applyscholarship@moe.gov.bn).

Selain itu, turut menghadapkan dokumen yang berkaitan termasuk borang permohonan (*hardcopy*) ke Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kaunter 3, Pusat Perkhidmatan Setempat, Blok C, Aras Bawah, Kementerian Pendidikan sebelum atau tidak lewat dari tarikh tutup permohonan iaitu 29 Februari 2024.

Borang permohonan boleh didapati melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn).

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui talian +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula pada jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan jam 1.30 petang hingga 4.30 petang) atau e-mel ke [applyscholarship@moe.gov.bn](mailto:applyscholarship@moe.gov.bn) atau [scholarship@moe.gov.bn](mailto:scholarship@moe.gov.bn).

## Kenali Bahasa Brunei

**Kibit-kibit** bermaksud menggendong anak atau mengepit barang di lengan dan sebagainya sambil melakukan sesuatu kerja dan berjalan ke sana sini.  
Contoh pemakaian kata : *kesian jua usulnya kibit-kibit mangipak anaknya masa mambali-bali naindah di tamu ah.*

**Kubamban** bermaksud butang atau kancing pada pakaian.  
Contoh pemakaian kata : *jait kan kubamban bajungku talapas ah, kan ku pakai karang bajalan.*

**Mangumamba** bermaksud  
1 merendang atau menjadi rendang tentang pokok.  
Contoh pemakaian kata : *nah bisai mangumamba pohon mangga tua laki itu, labat lagi buahnya tu.*  
2 lebat dan menggerbang tentang rambut : *masanya muda bisai tu mangumamba rambutnya ah, ani tia kurang udahnya baumur ah abis luruh.*

**Bakunyanyang** bermaksud bercakap-cakap dengan tidak tentu tujuan.  
Contoh pemakaian kata : *adang luan bakunyanyang ani, mambuat karaja ada pulang asilnya.*

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

## Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

### Bubur Kacang Berjagung Kampung Jangsak

**Bahan-bahannya :**

- 1 kilo kacang hijau di rebus hingga benar-benar masak dengan menggunakan air biasa
- 1 kilo santan pekat

- Air biasa secukupnya
- 2 tin jagung
- Gula biasa
- 2 sudu besar susu manis

**Cara membuatnya :**

Kacang hijau, jagung, santan, air biasa, gula susu manis disatukan dan dimasak sehingga benar-benar mendidih dan kacang benar-benar masak.

# AWANG HARIS ABDULLAH JUARA BEYBLADE X

■ Siaran Akhbar dan Foto : DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam



PARA peserta bergambar ramai bersama hadiah yang diterima bagi acara Perlawanan Akhir Beyblade X yang berlangsung di Teratak DBos, Kampung Mentiri (kiri). Manakala gambar atas dan bawah, para pemenang yang menerima hadiah pada acara tersebut.



Pasukan Ghostbeys memperoleh 72 mata, Pasukan Underground Beys dengan 68 mata dan Pasukan Santai Aja Bladerz mengutip 58 mata manakala Pasukan BM dengan 7 mata.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 1 Januari. - DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam telah menganjurkan Perlawanan Akhir Beyblade X yang berlangsung di Teratak DBos, Kampung Mentiri, hari ini.

Pada pelawanan tersebut, Awang Haris Abdullah daripada Pasukan Jaksuha Bladers (JB) berjaya membawa pulang hadiah utama sebuah Freezer apabila merangkul juara pada HM Combo Battle dan menewaskan Awang Masunny bin Haji Mohid daripada Pasukan

Underground Beys (UG) yang menduduki tempat kedua.

Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh Awang Shahdany bin Haji Mohid manakala tempat keempat disandang oleh Pengiran Hasswandy bin Pengiran Haji Abu Bakar masing-masing daripada Pasukan UG.

Pemenang hadiah lapan teratas pula disandang oleh UG Junaidi, JB Aedidopian, UG Masunny dan UG Pengiran Hasswandy. Bagi pemenang 16 teratas dimenangi oleh UG Pengiran Hasswandy, JB

Mimi Nazuwan, JB Haris, Beyblade Madness (BM) Aqmal, UG Junaidi dan UG Abdul Naim.

Pemenang Individual Points King of The Year 2022 / 2023 pula disandang oleh Awang Aedisopian bin Haji Ismail daripada Pasukan JB setelah berjaya mengumpul 34 mata sekali gus berjaya membawa pulang sebuah TV Android.

Dalam perebutan Liga Beyblade Brunei Darussalam bagi Tahun 2023 / 2024, Pasukan JB melebarkan jurang setelah berjaya memperoleh 104 mata diikuti



سور وھنجاي قرحدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
- Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.
- 2 Lengkapi Profil PSCR 2.0** ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
- 3 Lengkapi Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 4 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** \*Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 5 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- 6 Lengkapi Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial  
PSC.BN



ePaper Pelita Brunei



# WALKATON RATAP SOLIDARITI UNTUK RAKYAT PALESTIN

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Sahrizal  
Haji Said

SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan walkaton (kiri), manakala gambar kanan, tetamu kehormat mengikuti acara kutipan derma RATAP.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 1 Januari. - Lebih 300 peserta menyertai Walkaton RATAP (Riadah Amal Tabung Palestin) yang dianjurkan oleh Pertubuhan WARGAMAS dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah, Perbadanan TAIB, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pihak Berkuasa Industri Teknologi

Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Sukarelawan-sukarelawan Brunei Darussalam, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan walkaton tersebut, Setiausaha Tetap (Kesukanan), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud. Terdahulu, acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS dan Pengerusi

RATAP, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don dan diikuti dengan kutipan derma RATAP oleh tetamu kehormat. Selepas itu diteruskan dengan senaman ringan memanaskan badan dan kemudian walkaton sejauh 1.2 kilometer bermula dan berakhir di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara. Tujuan walkaton diadakan adalah bagi menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkenankan bagi penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza yang diuruskan oleh KKBS dan KHEU. Ia juga adalah sebagai platform dan wadah serta peranan warga emas untuk bersatu dalam mengeratkan silaturahmi dengan riadah sambil beramal dan berkongsi ilmu.

## Isi masa lapang, tenangkan minda dengan memancing

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ihsan Awang Khalid bin Saab

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 1 Januari. - Tanya sahaja mana-mana kaki pancing tentang kos yang mereka keluarkan untuk melunaskan hobi tersebut, pasti akan ada yang memberi jawapan yang jumlahnya amat banyak dan sudah tidak terkira. Ini kerana, mereka bukan saja akan rela melaburkan duit poket untuk membeli peralatan memancing yang bersesuaian, malah turut bersedia mengeluarkan perbelanjaan besar bagi menyewa bot dan sebagainya. Itulah juga yang dialami oleh seorang kaki pancing, Awang Khalid bin Saab, 40 tahun, setelah dia menjadikan aktiviti memancing sebagai hobinya sejak berusia 15 tahun. Menurut beliau semasa ditemu bual Pelita Brunei, teknik memancing yang disukai adalah *casting* dan *jigging*, iaitu dengan menggunakan umpan palsu.

“Semasa saya memulakan hobi tersebut, saya cuma membeli barang peralatan memancing dengan bermodalkan sekitar lebih kurang BND500. “Hobi memancing ini juga boleh mendatangkan hasil dari segi pendapatan sampingan yang mana ikan-ikan yang ditangkap boleh dijual ke restoran atau pasar terbuka,” ujarnya. Dalam bidang memancing ini katanya, tidak banyak perbezaan antara ikan air tawar dan ikan air masin. Jelasnya, ikan air tawar menggunakan teknik *casting* misalnya seperti menangkap ikan dalak, haruan, toman dan tapah. Sementara ikan air masin juga menggunakan teknik *casting* atau *jigging* untuk menangkap ikan merah, kerapu, tenggiri, ikan putih dan selainnya. Bagi Awang Khalid, hobi memancing ini boleh mengisi masa lapang selain berpeluang untuk melihat kehidupan liar yang terdapat di kawasan lautan dan sungai.

“Cuma kita kena berhati-hati bila menangkap ikan bagi mengelakkan kecederaan seperti barang-barang yang tajam dan bisa-bisa ikan terutamanya ikan air masin,” tambahnya. Bagi kaki pancing hobi berkenaan mempunyai banyak kelebihan antaranya dapat membantu mengurangkan tekanan, meningkatkan kecergasan, dapat melatih diri bersabar serta fokus selain dapat menambah ramai kenalan. Bahkan, aktiviti ini seakan *berhantu* di mana jika awda memulakannya maka sukar pula untuk berhenti kerana teruja terutama ketika rentapan ikan memakan umpan.

AWANG Khalid bin Saab semasa memperlihatkan hasil tangkapan beliau.

